# PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2023

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PERMIT PEMASANGAN AWNING | Saya bercadang untuk memasang awning jenis metal deck di belakang rumah (bahagian dapur) dengan anggaran 18ft x 3ft.<br><br>1. Adakah saya perlu memohon permit untuk kebenaran memasang awning tersebut?<br><br>2. Jika ya, bagaimana caranya? Apakah tindakan yang saya perlu lakukan?<br><br>3. Jenis awing bagaimanakah yang memerlukan permit.<br><br>4. Bolehkah permohonan dibuat secara atas talian? Ini kerana saya bekerja di Shah Alam dan terpaksa bercuti jika permohonan perlu dibuat melalui kaunter. | 03-01-2023 | (SILA PASTIKAN CUCUR AWNING YANG DIBINA SELARI DENGAN PERTENGAHAN LONGKANG SUPAYA AIR HUJAN YANG TURUN TERUS MASUK KE DALAM LONGKANG SEDIADA)<br><br>1. Jawapan : YA<br><br>2. Jawapan : PIHAK TUAN BOLEH MENDAPATKAN BORANG PERMOHONAN PERMIT KERJA – KERJA PELBAGAI DI DALAM WEBSITE MBS – JABATAN KAWALAN BANGUNAN- PERMIT KERJA – KERJA PELBAGAI<br><br>3. Jawapan : AWNING YANG BERSIFAT SEMENTARA SEPERTI KELULI / KAYU.<br><br>4. Jawapan : TIDAK, PIHAK TUAN BOLEH DOWNLOAD BORANG TERSEBUT DI DALAM WEBSITE MBS DAN DICETAK DIATAS KERTAS BERWARNA BIRU DAN MENYEDIAKAN DOKUMEN LENGKAP SEPERTI YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG TERSEBUT DAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN TERSEBUT MELALUI KAUNTER JABATAN KAWALAN BANGUNAN, MBS<br><br>(KERJA – KERJA TIDAK BOLEH DIJALANKAN DITAPAK SEHINGGA KELULUSAN DIPEROLEHI DARIPADA PIHAK MAJLIS)<br><br>SEBARANG PERTANYAAN LANJUT BOLEH MENGHUBUNGI JABATAN KAWALAN BANGUNAN MBS DIATAS TALIAN 06-7654938 | 04-01-2023 | Jabatan Kawalan Bangunan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | CENDERAHATI | Pengadu mengadu tahun lepas dapat cenderahati ketika bayar cukai taksiran. Pengadu datang pada tahun ini untuk membayar tetapi tidak dapat apa-apa cenderahati, pengadu tidak berpuas hati mohon tindakan segera | 06-01-2023 | 1. Terlebih dahulu Majlis mengucapkan terima kasih atas keperihatinan tuan/puan dalam membayar cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Majlis juga mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan dan maklumbalas tuan/puan. Untuk makluman tuan/puan, tiada cenderahati yang diberikan pada tahun 2021 oleh MBS bagi bayaran Cukai Taksiran. Walaubagaimnapaun, Majlis mengambil maklum berkenaan perkara ini dan Majlis akan sentiasa memperbaiki mutu perkhidmatan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih. | 19-01-2023 | Jabatan Kewangan |
| 3 | KUALITI JALAN | Bila pihak MBS akan baiki jalan di sepanjang jalan dari bulatan Sime Darby hingga ke hujung jalan nilam nilai impian laman azalea? Kerja penanaman paip sudah bertahun selesai tapi pembaikian jalan masih ditangguhkan. Atau pun kerja penurapan yang sedia ada itu sudah dikira selesai? | 11-01-2023 | Kerja pembaikan siap dilaksanakan pada 14.04.2023 | 06-06-2023 | Unit Jalan & Saliran |
| 4 | CUKAI TAFSIRAN | No. Akaun: 962000813000K DAN No. Akaun: 750200492000B , . mohon penghantaran bil cukai tafsiran ke alamat baru saya di SHAMIN VILLA, NO.475, JALAN ARA SENDAYAN 2/5, ARA SENDAYAN, 70300 SEREMBAN | 11-01-2023 | Pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban telah menerima permohonan tuan dan membuat tukar alamat surat menyurat. Pihak Jabatan hanya memasukkan no rumah dan nama jalan sahaja memandangkan jumlah aksara yang terhad telah ditetapkan. Mohon pihak tuan melawati laman web www.mbs.gov.my untuk membuat semakan bil cukai taksiran kerana Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah “BIL DIGITAL”. Bermula pada tahun 2023, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau Notis E. Bersama-sama ini disertakan cara untuk membuat semakan cukai taksiran. Harap maklum. Sekian, terima kasih. | 13-01-2023 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | PERBEZAAN CUKAI SEMASA DAN CUKAI SEPENGGAL | Saya ingin bertanya berkenaan perbezaan cukai semasa dan cukai sepenggal (cukai taksiran) seperti di lampiran. Sebelum ini, sy hanya terima bil bagi cukai sepenggal sahaja RM109.20. Tahun 2023, bil sy tertera cukai semasa RM95.20. Adakah terdapat tunggakan di bil sy. terima kasih atas maklumbalas tuan. | 25-01-2023 | Terlebih dahulu Majlis mengucapkan terima kasih atas keperihatinan tuan/puan dalam membayar cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Untuk makluman tuan/puan, terdapat pelarasan kredit berjumlah RM14.00 pada akaun cukai taksiran tuan/puan. Pelarasan ini adalah disebabkan Kempen Pengecualian Notis E 70% Cukai Taksiran bermula 01 September 2022 sehingga 31 Disember 2022. Mengikut rekod majlis tuan/puan telah membuat bayaran pada 02.10.2022 yang melayakkan tuan/puan menerima pengecualian denda sebanyak RM14.00. Untuk makluman tuan/puan juga, cukai taksiran 960501404000C tuan/puan masih kekal RM109.20 bagi setiap setengah penggal dan bil yang diterima tuan/puan untuk penggal pertama tahun 2023 ini adalah setelah ditolak pengecualian denda RM14.00. Bagi membuat pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, tuan/puan boleh menghubungi talian 06-7654376/4389/4373 bagi membuat semakan dan pertanyaan lanjut. Sekian, terima kasih. | 27-01-2023 | Jabatan Kewangan |
| 6 | PERMOHONAN PENUTUPAN JALAN SEMENTARA | Saya Masturah Binti Abdul Halim, mempunyai pertanyaan mengenai permohonan bagi penutupan jalan sementara di Persiaran Semarak 2 pada 03.03.2023 (Jumaat) dan 04.03.2023 (Sabtu) kerana ingin membuat majlis perkahwinan. Jalan tersebut merupakan jalan besar bagi laluan penduduk. Justeru saya ingin mendapatkan permohonan bagi penutupan jalan sementara. Adakah saya perlu menulis surat permohonan atau borang yang perlu diisi ? | 10-02-2023 | Untuk makluman, borang permohonan penutupan jalan untuk mengadakan apa-apa majlis di kawasan perumahan boleh didapati di kaunter Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pentadbiran), Tingkat 1 di Wisma MBS, Forest Heights.<br><br>Sekian, terima kasih. | 21-02-2023 | - Jabatan Khidmat Pengurusan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | MASIH ADA KOSONG LAGI UNTUK PPR SEWAAN? | Saya sedang mencari rumah PPR sewaan yang kos rendah kerana saya merantau disini sudah hampir 7thn,dlm keadaan ekonomi yg tidak baik saya tidak mampu untuk menyewa rumah biasa kerana kos yg tinggi, saya juga adalah seorang ibu tunggal yg mempunyai 3 org ank.. saya berharap pihak MBS dapat membantu saya.<br>Terima kasih. | 13-02-2023 | Assalamualaikum puan,<br>Borang permohonan sewaan unit rumah PPR Paroi dan PPRT Lobak boleh didapati di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Tingkat 1, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban – Tampin, 70450 Seremban, N. Sembilan. Borang tersebut hendaklah lengkap diisi serta dilampirkan dokumen-dokumen seperti berikut:<br>1) Salinan kad pengenalan pemohon dan pasangan;<br>2) Salinan slip gaji atau surat pengesahan pendapatan pemohon dan pasangan bagi 2 bulan terkini;<br>3) Salinan surat nikah atau surat cerai;<br>4) Salinan surat pengesahan doktor atau kad OKU (sekiranya berkaitan).<br>Dokumen di atas hendaklah disahkan oleh Ketua Kampung / Penghulu / Pegawai Kerajaan Kumpulan A / Ahli Majlis MBS / Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan.<br>Borang yang lengkap di isi bersama lampiran hendaklah diserahkan di alamat seperti di atas. Tertakluk kepada kekosongan, pemohon yang layak akan dipanggil untuk sesi temuduga. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi En. Zakir atau Pn. Jamuna di talian 06 – 7654719.<br>Sekian terima kasih. | 13-02-2023 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 8 | CARA BELI PARKING LOT | Hai selamat pagi/assalamualaikum en/pn , boleh saya tahu bagaimana nak beli parking lot dekat kawasan perumahan flat ? | 13-02-2023 | Untuk makluman pihak puan, parkir kereta di dalam kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Sri Penaga adalah harta bersama dan bukanlah sebahagian daripada petak aksesori. Harta bersama adalah berhubung dengan suatu bangunan atau tanah yang dicadangkan untuk dipecah bahagi kepada petak-petak, ertinya sebahagian daripada kawasan pemajuan yang tidak terkandung dalam mana-mana petak atau petak yang dicadangkan dan yang digunakan atau boleh dinikmati oleh penghuni dua atau lebih petak atau petak yang dicadangkan. Kesimpulannya, petak parkir harta bersama perlu digunakan secara bersama dan tidak boleh di 'cop parkir' atau dijual beli. | 07-03-2023 | Unit COB |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | PERMOHONAN BIL CUKAI | SALAM BOLEH SAYA TAHU CARA NAK DAPATKAN BIL CUKAI ? | 14-02-2023 | Berikut adalah cara-cara mendaftar ID Pengguna melalui laman web Majlis Bandaraya Seremban (www.mbs.gov.my) bagi membuat semakan bil cukai taksiran:-<br><br>► Buka Web Site MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN, PILIH 'Perkhidmatan Online';<br>► PILIH 'MobileApp - my MBS';<br>► Pada skrin ONLINE SERVICES, PILIH 'Semak, Cetak & Bayar Bil Cukai Taksiran';<br>► Pada skrin MBS Click, pilih 'DAFTAR PENGGUNA' bagi pengguna kali pertama ATAU pilih 'LOG MASUK' bagi pengguna yang telah berdaftar;<br>► Daftar id pengguna yang baharu dengan memilih 'Daftar Pengguna';<br>► Masukkan semua maklumat dan pilih 'DAFTAR'; id pengguna akan dijana;<br>- AKAN TERIMA NO. PIN (6 DIGIT NOMBOR) MELALUI ALAMAT E-MEL YANG DIDAFTARKAN;<br>- GUNA 'NO.PIN' HANYA UNTUK 'LOG MASUK' PERTAMA KALI SAHAJA<br>- 'LOG KELUAR' SEMULA;<br>- 'LOG MASUK' YANG SETERUSNYA PERLU MENGGUNAKAN KATA LALUAN YANG DICIPTA SEMASA 'DAFTAR AKAUN'.<br><br>► Pada skrin "MBS CLICK", pilih 'SEMAK CUKAI TAKSIRAN'. | 17-02-2023 | Jabatan Kewangan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | PERMOHONAN BIL CUKAI | SALAM BOLEH SAYA TAHU CARA NAK DAPATKAN BIL CUKAI ? | 14-02-2023 | SAMBUNGAN :<br><br>Sekiranya terdapat sebarang pemasalahan teknikal berhubung semakan cukai taksiran melalui laman web Majlis Bandaraya Seremban, sila hubungi Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS di talian 06-7654468.<br><br>1. Selain itu, dimaklumkan juga bahawa Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah "BIL DIGITAL". Bermula pada tahun 2024, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau NotisE. Bagi membolehkan tuan/puan membuat semakan bil cukai taksiran secara atas talian, tuan/puan perlu membuat pengemaskinian maklumat nombor telefon bimbit dan alamat e-mel kepada Majlis dengan menghubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBS di talian 06-7654758/4711 atau e-mel kepada marfudzah@mbs.gov.my. Pada bila-bila masa, semakan bil cukai taksiran boleh dibuat melalui laman web rasmi Majlis Bandaraya Seremban www.mbs.gov.my dan tuan/puan juga boleh membuat panggilan telefon kepada MBS melalui talian 06-7654333 pada hari dan waktu bekerja.<br><br>Sekian, terima kasih. | 17-02-2023 | Jabatan Kewangan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | PERTANYAAN TENTANG SMS BAYARAN TUNGGAKAN | Saya dah dapat beberapa panggilan & SMS dari no telefon Kuala Lumpur bergaitan pembayaran tunggakan dengan Majlis Bandaraya Seremban (MBS). Saya nak berkenapasti sama ada panggilan ini memang dari pihak majlis. | 06-03-2023 | 1. Untuk makluman tuan/puan, mengikut AKTA KERAJAAN TEMPATAN, pada setiap tahun, cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban (MBS) mempunyai dua penggal. Ianya adalah bil cukai taksiran penggal pertama (Jan-Jun) perlu dibayar sebelum/pada 28/29 Februari manakala penggal kedua (Julai-Dis) perlu dibayar sebelum/pada 31 Ogos. Pada setiap penggal tersebut, sekiranya terdapat BAKI/JUMLAH yang masih belum dijelaskan selepas dari tarikh tamat pembayaran, caj denda lewat/Notis-E berjumlah RM20 pada setiap penggal akan dikenakan.<br>2. Mengikut rekod Majlis, panggilan telefon dari nombor yang dimaklumkan oleh tuan/puan adalah merupakan panggilan dari syarikat panel pemungut hutang yang dilantik secara rasmi oleh Majlis Bandaraya Seremban. Adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk membuat bayaran bil cukai taksiran walaupun lewat/tidak menerima bil. Pada bila-bila masa, semakan bil cukai taksiran boleh dibuat melalui laman web rasmi Majlis Bandaraya Seremban www.mbs.gov.my dan tuan/puan juga boleh membuat panggilan telefon kepada MBS melalui talian 06-7654333 pada hari dan waktu bekerja.<br>Sekian, terima kasih. | 07-03-2023 | - Jabatan Kewangan |
| 11 | MELETAK GAZEBO BERUKURAN 6X6 BERSEBELAHAN PONDOK PENGAWAL | Saya bercadang meletak gazebo berukuran 6 x 6 kaki bersebelahan pondok pengawal di dalam kawasan kilang sendiri.Saya pernah berurusan melalui panggilan telefon pada 2/Mac/23 dan juga bersemuka dengan pegawai Majlis di kaunter MBS pada 6/Mac/23 tetapi masih tidak mendapat maklum balas dari pihak MBS berkenaan perkara ini.Kami memohon jasa baik untuk pihak MBS memberikan maklum balas dan jawapan secara bertulis agar kami dapat memulakan projek gazebo ini dengan kadar segera.Dilampirkan bersama contoh gambaran dimana gazebo akan di letak didalam kawasan kilang (bulatan merah).Kerjasama pihak MBS kami dahului dengan ucapan terima kasih | 08-03-2023 | Pihak tuan dikehendaki mengemukakan permohonan Permit Kerja - kerja kecil Pelbagai kepada pihak majlis sekiranyan binaan gazebo tersebut berbentuk 'ready made' daripada penjual. | 23-03-2023 | Jabatan Kawalan Bangunan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | CUKAI TAKSIRAN | Selamat Sejahtera.<br><br>Saya . Saya telah jual rumah,dengan ini saya lampirkan 'sales and purchase documents'. Harap dapat maklum balas dari pihak tuan/puan. | 14-03-2023 | Salam sejahtera tuan,<br>Berdasarkan aduan tuan, didapati bahawa harta tersebut telah dijual. Sehubungan dengan perkara tersebut, pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban memohon tuan atau memaklumkan kepada pembeli baru supaya membuat tindakan pindahmilik tersebut dengan mengisi Borang I dan lampiran yang diperlukan seperti yang tertera di dalam borang I tersebut. Bersama-sama ini disertakan Borang I untuk makluman dan tindakan segera tuan. Dibawah ini adalah dokumen yang diperlukan untuk pindahmilik :-<br>Dokumen Sokongan Borang I - Notis Jualan Pindah Milik<br><br>• Salinan Borang 14A / Carian Rasmi / Carian Persendirian Hakmilik<br>• Salinan Kad Pengenalan Pembeli<br>• Salinan SSM (Jika Pembeli Adalah Syarikat)<br>• Resit Bayaran Fi Proses Pindah Milik (RM20.00)<br>• Bil Cukai Taksiran Yang Telah Dijelaskan<br>• Salinan Perisytiharan Lelong (Jika Berkenaan)<br>• Salinan Perjanjian Jual Beli (Jika Berkenaan)<br>• Salinan Hakmilik/Geran (Jika Berkenaan)<br>Atau pihak tuan atau pembeli boleh membuat pindahmilik secara online di dalam laman web www.mbs.gov.my. Bersama-sama ini disertakan cara untuk membuat pindahmilik tersebut di MBS Click. | 15-03-2023 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 13 | MEMOHON PEMBINAAN BATU NISAN SERTA KEPUNGAN KUBUR | Saya waris ingin mengetahui proses permohonan batu nisan serta kepungan kubur di Tanah Perkuburan Senawang bagi Lot No. B222 (Rassim Bin Hussen)<br><br>Terima Kasih | 09-03-2023 | Permohonan membuat kepuk kubur di Tanah perkuburan Islam Ainsdale,Seremban adalah dibawah pengurusan Koperasi MBS. Pihak tuan/puan boleh menghubungi Pihak koperasi Majlis Bandaraya Seremban untuk pertanyaan mengenai pembinaan Kepuk di Talian 012-2703745 . Sekian terima kasih. | 26-05-2023 | Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |
| 14 | GERAI / KIOS JLN PENGHULU CANTIK | Saya melihat di dlm web MBS gerai / kios jln penghulu cantik tetapi tiada kekosongan. Cuma saya disini mushkil kerana sentisa saya datang di bahagian kios jln penghulu cantik tetapi tiada peniaga yg buka kedai atau berniaga. Kesian pada peniaga yg benar-benar ingin berniaga. Minta pandangan dan pencerahan pihak MBS . | 20-03-2023 | TELAH MENJALANKAN SIASATAN DAN MENDAPATI TERDAPAT BEBERAPA BUAH GERAI TIDAK BEROERASI. DALAM TINDAKAN PENGELUARAN SURAT TUNJUK SEBAB KEPADA PENIAGA YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN. | 09-05-2023 | Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 15 | TUKAR PEMILIK PERNIAGAAN DAN KURANGKAN JENIS LESEN BARANGAN PERNIAGAAN | Saya pernah ada kedai komputer di seremban jaya dan telah melepaskan perniagaan saya kepada orang lain pada bulan Mar23. Saya belum memberbahuri lesen perniaagan utk tahun 2023. Perlukah saya dan pemilik baru hadir ke mbs untuk memperbaharui lesen perniagaan?<br>Boleh kan pemilik baru kurangan jenis lesen kerana harga tahunan tinggi . sekiran terima kasih. | 22-03-2023 | PPKP Kawasan telah hubungi pengadu berkenaan dengan isu pertukaran milik lesen premis perniagaan. Pemohon perlu mengisi borang pindah milik lesen dan menyertakan dokumen yang telah ditetapkan seperti SSM baru dan SSM Lama. | 10-05-2023 | Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |
| 16 | PERMOHONAN PINDAH MILIK | TATACARA PERMOHONAN PINDAH MILIK | 23-03-2023 | Berdasarkan email puan yang mengatakan bahawa puan ingin membuat pindahmilik. Sehubungan dengan perkara tersebut, pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban memohon puan untuk mengisi Borang I bersama dengan lampiran yang diperlukan. Bersama-sama ini disertakan Borang I untuk makluman dan tindakan segera puan. Dibawah ini adalah dokumen yang diperlukan untuk pindahmilik :-<br>Dokumen Sokongan Borang I - Notis Jualan Pindah Milik<br><br>• Salinan Borang 14A / Carian Rasmi / Carian Persendirian Hakmilik<br>• Salinan Kad Pengenalan Pembeli<br>• Salinan SSM (Jika Pembeli Adalah Syarikat)<br>• Resit Bayaran Fi Proses Pindah Milik (RM20.00)<br>• Bil Cukai Taksiran Yang Telah Dijelaskan<br>• Salinan Perisytiharan Lelong (Jika Berkenaan)<br>• Salinan Perjanjian Jual Beli (Jika Berkenaan)<br>• Salinan Hakmilik/Geran (Jika Berkenaan)<br>Atau pihak puan boleh membuat pindahmilik secara online di dalam laman web www.mbs.gov.my, di dalam menu MBS Click. Bersama-sama ini disertakan cara untuk membuat pindahmilik tersebut di MBS Click.<br>Sekian, terima kasih. | 23-03-2023 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | REQUEST FOR WAIVER | Dear sirs,<br><br>Due to COVID situation, we are unable to back to Malaysia since Mar 2020. When the situation over, we manage to back to our home which is 2 years later in 2022.<br>Most of the letters was damage due to expose outside of letter box or damage by rain water. We are awareness of this letter recently but the fine or 'bayaran notis' already imposed.<br>We sincerely request to waive the fine of RM120 due to above reason. Please help to approve it. Thanks for your understanding. | 24-03-2023 | 1. Untuk makluman tuan/puan, mengikut AKTA KERAJAAN TEMPATAN, pada setiap tahun, cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban mempunyai dua penggal. Ianya adalah bil cukai taksiran penggal pertama (Jan-Jun) perlu dibayar sebelum/pada 28 Februarimanakala penggal kedua (Julai-Dis) perlu dibayar sebelum/pada 31 Ogos. Pada setiap penggal tersebut, sekiranya terdapat BAKI/JUMLAH yang masih belum dijelaskan selepas dari tarikh tamat pembayaran, caj denda lewat/Notis-E berjumlah RM20 pada setiap penggal akan dikenakan. Majlis memohon maaf atas kesulitan ini. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk membuat bayaran cukai taksiran walaupun lewat/tidak menerima bil. Pada bila-bila masa, semakan bil cukai taksiran boleh dibuat melalui laman web rasmi Majlis Bandaraya Seremban (www.mbs.gov.my) dan tuan/puan juga boleh membuat panggilan telefon kepada MBS melalui talian 06-7654333 pada waktu bekerja.<br>2. Tuan/puan boleh membuat permohonan pengurangan denda lewat/Notis-E melalui PERMOHONAN RASMI kepada Majlis secara surat rasmi ataupun e-mel kepada Pn. Mazidah, Jabatan Kewangan di alamat e-mel mazidah@mbs.gov.my. Beliau juga boleh dihubungi melalui talian 06-7654432 bagi membuat semakan dan pertanyaan lanjut. Walau bagaimanapun, ianya bergantung kepada keputusan dan kelulusan dari pihak atasan Majlis. Sekian, terima kasih. | 28-03-2023 | - Jabatan Kewangan |
| 18 | KEDAI | Pengadu memohon untuk membuka pusat snooker yang kedua. Pengadu mempunyai lesen untuk pusat yang pertama. Telah ke Jabatan Perlesenan dan Jabatan Perlesenan memohon untuk membuat aduan di sispaa untuk pembukaan pusat snooker kedua | 27-03-2023 | Lesen pusat snuker adalah dalam kategori Lesen Hiburan Awam.<br>Jenis Lesen tersebut telah dibekukan. Majlis hanya mengekalkan bilangan lesen sedia ada sahaja. Sekian terima kasih. | 17-04-2023 | Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | NAK TAHU AKAUN CUKAI TAKSIRAN | HAI. SALAM. SAYA BARU BELI RUMAH. MACAM MANA SAYA NAK TAHU NO AKAUN CUKAI TAKSIRAN SAYA ??? | 28-04-2023 | Assalamualaikum puan,<br>Berdasarkan pertanyaan puan untuk mendapatkan bil cukai taksiran, pihak Jabatan memohon puan untuk membuat pindahmilik terlebih dahulu. Sehubungan dengan perkara tersebut, pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban memohon puan untuk mengisi Borang I bersama dengan lampiran yang diperlukan. Bersama-sama ini disertakan Borang I untuk makluman dan tindakan segera puan.<br>Dibawah ini adalah dokumen yang diperlukan untuk pindahmilik :-<br>Dokumen Sokongan Borang I - Notis Jualan Pindah Milik<br><br>• Salinan Borang 14A / Carian Rasmi / Carian Persendirian Hakmilik<br>• Salinan Kad Pengenalan Pembeli<br>• Salinan SSM (Jika Pembeli Adalah Syarikat)<br>• Resit Bayaran Fi Proses Pindah Milik (RM20.00)<br>• Bil Cukai Taksiran Yang Telah Dijelaskan<br>• Salinan Perisytiharan Lelong (Jika Berkenaan)<br>• Salinan Perjanjian Jual Beli (Jika Berkenaan)<br>• Salinan Hakmilik/Geran (Jika Berkenaan)<br>Atau pihak puan boleh membuat pindahmilik secara online di dalam laman web www.mbs.gov.my, di dalam menu MBS Click. Bersama-sama ini disertakan cara untuk membuat pindahmilik tersebut di MBS Click.<br>Sekian, terima kasih. | 02-05-2023 | - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 20 | PERMIT RUNCIT DI PASAR AMPANGAN | Pengadu ingin membuat pertanyaan mengenai barang-barang yang dijual oleh pemilik permit runcit yang berniaga di Pasar Besar Ampangan. Ini kerana pemilik permit runcit dilihat menjual pelbagai barang seperti sayur, daging, barang sejuk beku dan sbgainya. Ini menyebabkan ketidakadilan kepada pemilik peniaga yang lain yang hanya memiliki permit untuk menjual satu jenis barangan sahaja. Pengadu memohon supaya maklum balas dapat diberi. | 10-04-2023 | OPERASI PENGUATKUASAAN TELAH DIJALANKAN PADA 10/4/2023 DI PASAR SEMENTARA AMPANGAN.<br><br>- Sebanyak 30 orang peniaga telah diperiksa dan lima (5) gerai yang tidak menjalankan perniagaan akan dikeluarkan<br>Notis Tunjuk Sebab Tidak Menjalankan Perniagaan<br>- Kompaun yang dikeluarkan diatas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen (tidak memperbaharui lesen perniagaan)<br>- Notis kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat sewaan gerai dan lesen perniagaan diatas kesalahan pelesen tidak menghadirkan diri di gerai.<br>- Notis halangan awam di atas kesalahan meletakan barangan ditempat yang tidak dibenarkan oleh MBS<br>Pihak majlis akan menjalankan pemeriksaan dari masa kesemasa untuk memastikan peniaga mematuhi arahan dan syarat majlis.<br>Sekian terima kasih. | 09-05-2023 | Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |
| 21 | REQUEST FOR REFUND DEPOSIT | GOOD DAY<br>WE WOULD LIKE TO KNOW THE STEP TO GET BACK THE DEPOSIT | 02-05-2023 | Selamat Sejahtera,<br><br>Bagi proses pembayaran balik deposit, pihak syarikat perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:<br>1) Surat Permohonan Deposit (mempunyai nama dan tandatangan pendeposit).<br>2) Salinan SSM<br>3) Salinan Penyata Bank<br>4) Resit Deposit<br><br>Dokumen berkenaan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1, Jalan Seremban - Tampin, 70450 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.<br>Sebarang pertanyaan boleh menghubungi saya di talian 06-6754740 atau rahmat@mbs.gov.my. Sekian, terima kasih. | 03-05-2023 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 22 | PEARL 132 (VISION HOME PHASE 4) | Pearl 132 Dalam Zon APA ya ? | 11-05-2023 | Lokasi Pearl 132, Vision Homes, Phase 4, S2 adalah di bawah Seksyen K @ Vision Homes. | 16-05-2023 | Jabatan Perancangan Pembangunan |
| 23 | USAGE OF E-SCOOTER ON ROADS | Are E-scooters or portable electric vehicles allowed to be used on the roads of Seremban, particularly Seremban 2? To my understanding as since April 2022 last year, the transportation minister has implemented a ban of such vehicles on the public roads and restricted the usage to within private premises such as resorts or some offices which may require short distance travelling. The reason being over issues of road safety and incidents that had happened to date.<br>What i see are few people still riding them on roads and there are units of them placed by side of road corners or over pavements at several areas at the commercial lots of Avenue Garden, Seremban 2.<br>Therefore my question if the ministry has billed it into as a law that the council should also ensure it being followed. | 11-05-2023 | Aduan dibawah tindakan PDRM. Surat telah dihantar kepada PDRM pada 24 Mei 2023. | 24-05-2023 | Unit Komunikasi Korporat |
| 24 | PERMOHONAN PERMIT KERJA KECIL PELBAGAI | Hi MBS,<br><br>Saya ingin memohon permit kerja ubahsuai kecil untuk pengubahsuaian rumah saya. Permohon boleh dibuat secara online atau melalui pengiriman pos? | 11-05-2023 | Bagi Permohonan Permit Kerja Kecil Pelbagai (PKKP) hendaklah dilengkapkan dengan dokumen-dokumen sokongan besertakan borang. Permohonan bagi PKKP hendaklah dihantar secara "hardcopy" di kaunter Jabatan Kawalan Bangunan. Borang PKKP berkenaan hendaklah disemak terlebih dahulu oleh pegawai-pegawai kaunter jabatan yang bertugas.<br><br>Bayaran untuk permohonan Borang PKKP berkenaan boleh dilakukan di kaunter bayaran Majlis Bandaraya Seremban.<br><br>Untuk maklumat lebih lanjut sila hubungi nombor ditalian 06-765 4938 (Jabatan Kawalan Bangunan). Sekian, terima kasih. | 29-05-2023 | Jabatan Kawalan Bangunan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 | CUKAI TAKSIRAN | Tuan/Puan<br>Bagaimana nak update alamat surat menyurat. | 12-05-2023 | Salam sejahtera tuan,<br>Pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban telah membuat tukar alamat dan kemaskini maklumat. seperti yang dipohon. Walau bagaimanapun untuk makluman tuan Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah “BIL DIGITAL”. Bermula pada tahun 2023, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau Notis E. Pihak tuan boleh membuat semakan dengan menggunakan nombor kad pengenalan pemilik atau nombor akaun cukai taksiran. Bersama-sama ini disertakan cara untuk menyemak dan mencetak bil cukai taksiran di dalam laman web www.mbs.gov.my tersebut.<br><br>Sekian, terima kasih. | 12-05-2023 | Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 26 | BAYAR PARKING ONLINE TAPI KENA SAMAN | sy ada membayar parking online melalui app flexi parking pada 1/2/2023 di zon putra point nilai..sy membayar parking untuk 1hari(9jam) rm5.40..tetapi kenderaan sy tetap di saman oleh pegawai mbs..sy dah maklumkan kepada pegawai mbs tersebut pada hari yg sama..dan pegawai tersebut ckp saman kompoun itu akan di batalkan di sbb kan pada hari itu pegawai mbs ckp sistem parking online down..pertanyaan saya..kenapa dah 2hari sy cek dalam app kompoun mbs saman tersebut masih ada dan tidak dibatalkan lagi..terima kasih | 03-02-2023 | Terima kasih atas aduan yang diberikan. Untuk makluman setelah siasatan dilakukan pentadbiran majlis mendapati bayaran yang dibuat oleh pihak tuan masih lagi dalam tempoh masa untuk satu hari. Pentadbiran Majlis akan membatalkan saman tersebut dan proses ini akan mengambil sedikit masa dan pihak tuan boleh merujuk jabatan undang-undang untuk mengetahui status pembatalan selepas ini.<br>sekian terima kasih. | 08-02-2023 | Unit Letak Kereta/Dewan |
| 27 | PETAK KHAS | Kalau nak rent satu petak khas macam mana apply? | 27-03-2023 | Semakan di laman web MBS | 28-03-2023 | Unit Letak Kereta/Dewan |

| Bil | Butiran | Pertanyaan | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas/ Jawapan | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 | SEWA LOT KEDAI | Sy nk tanya jika ada lot kosong untuk sy sewa kedai majlis. Mintak pihak tuan senaraikan kedai yang kosong. Kedai banyak kosong tapi bila sy tanya pegawai dikaunter katanye ada penyewa. Yang nak menyewa pula diminta mencari kedai kosong dan jika ada diminta rujuk kepada pbt. Jika ada senarai kedai atau lot kosong mudah bg penyewa untuk memilih kedai atau lot yg sesuai. Terimankasih | 06-04-2023 | DIMAKLUMKAN UNTUK PERTANYAAN BERKENAAN KEKOSONGAN GERAI PIHAK PUAN BOLEH LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS WWW.MBS.GOV.MY ATAU MENGHUBUNGI PIHAK JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN,MBS DITALIAN 06-7654278. SEKIAN TERIMA KASIH. | 02-05-2023 | Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |
| 29 | ACCESS CARD | I just bought a house in 28 Villa.<br>As new owner I apply for access card. The management ask me to pay previous owner arrears if I want access card. What should I do? | 02-05-2023 | Selamat Sejahtera.<br>Untuk makluman, tindakan persatuan penduduk untuk menuntut bayaran tunggakan adalah tidak dibenarkan terutama kepada penduduk yang baru menduduki kawasan kediaman berkenaan<br><br>Harap maklum. | 03-05-2023 | Jabatan Perancangan Pembangunan |

# PERTANYAAN ORANG AWAM TERHADAP MBS 2023

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 30 | Permohonan untuk menduduki PPR Seri Perdana Paroi. | 12-06-2023 | Borang permohonan PPR Paroi boleh didapati di kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBS di aras 1 wisma MBS.Permohonan akan di tapis mengikut kriteria yang ditetapkan oleh MBS.Bergantung kepada kekosangan unit, permohonan yang berjaya akan dipanggil untuk ditemuduga.Sebarang pertanyaan boleh menghubungi En Abd Zakir di talian 06-7654333. | 12-06-2023 | - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 31 | Pertanyaan mengenai proses penukaran alamat surat menyurat iaitu bil cukai taksiran. | 19-06-2023 | Pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban telah membaca pertanyaaan tuan dan pihak kami telah sertakan borang untuk pihak tuan isi untuk tukar alamat.Pihak tuan boleh menghantar semula borang tersebut kepada pihak kami untuk menukar alamat yang dipinta. Walau bagaimanapun untuk makluman tuan Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah “BIL DIGITAL”. Bermula pada tahun 2023, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau Notis E. Pihak tuan boleh membuat semakan dengan menggunakan nombor kad pengenalan pemilik atau nombor akaun cukai taksiran. Bersama-sama ini disertakan cara untuk menyemak dan mencetak bil cukai taksiran di dalam laman web www.mbs.gov.my tersebut.<br><br>Marfudzah binti Morsin<br>Penolong Pegawai Penilaian (W29)<br>Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta,<br>Majlis Bandaraya Seremban<br>Nombor telefon : 06 7654701 | 20-06-2023 | - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 32 | 1. Pertanyaan mengenai pokok-pokok di sepanjang Masjid Kuarters KLIA, berdekatan Sekolah Klia kerana saya lihat pokok-pokok berada di sekitar kawasan berikut telah habis ditebang. Apabila bertanya kepada kontraktor, kontraktor menjawab atas arahan dari JKR. Sedangkan itu bawah seliaan Majlis Bandaraya Seremban. Keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang, kanak-kanak sekolah tidak dapat berteduh dan persekitaran di sana tidak cantik kerana pokok-pokok tiada.<br>2. Memohon pihak Majlis memantau di kawasan yang di adukan ini. | 21-06-2023 | Untuk makluman, kawasan yang dinyatakan adalah di luar kawasan operasi Majlis. Kerja- kerja penyelenggaraan pokok tidak laksanakan di kawasan tersebut. Puan perlu berhubung dengan pihak JKR untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai permasalahan ini. | 22-06-2023 | - Jabatan Taman & Landskap |
| 33 | Pertanyaan mengenai tidak dapat cari nama taman di 'Lokasi/Zon' iaitu bagi membuat laporan yang betul. Lokasi alamat taman perumahan di *Garden City Homes* atau *City Homes* . Minta beritahu 'Lokasi/Zon' yang betul untuk saya pilih. | 23-06-2023 | Terima kasih di atas pertanyaan yang telah diberikan oleh pihak tuan / puan. Majlis dalam proses mengemaskini senarai taman & blok perancangan di dalam sistem SISPAA MBS. Mulai sekarang tuan / puan boleh memasukkan nama taman seperti biasa di dalam sistem kami. | 23-06-2023 | - Unit Komunikasi Korporat |
| 34 | Mohon ambil kucing di rumah disebabkan saya sakit dan sukar untuk membela di rumah sendiri yang beralamat di Jalan Warisan Puteri A12, Sikamat, 70400, Seremban. | 26-06-2023 | UNTUK MAKLUMAN TUAN, PIHAK MBS HANYA MENJALANKAN PERKHIDMATAN PENANGKAPAN HAIWAN TERBIAR YANG BERKELIARAN DI TEMPAT AWAM SAHAJA. | 15-10-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 35 | Aduan anjing liar di sekitar Taman Pulai Impian. Adakah anjing liar yang telah di tangkap tersebut di lepaskan semula? | 28-06-2023 | TARIKH : 25/08/2023 JUMAAT<br><br>LOKASI :<br>1. TMN PULAI IMPIAN<br>2. TMN SRI PULAI<br>3. TMN CORAL HEIGHT<br>4. TMN JUJUR KANAN<br>5. TMN BUKIT PENAGA<br>6. TMN PENAGA MEWAH<br>7. TMN BUKIT NIBONG<br><br>JUMLAH TANGKAPAN KELESURUHAN : 10 EKOR TANGKAPAN ANJING TERBIAR<br><br>UNTUK MAKLUMAN : TANGKAPAN ANJING LIAR ADALAH BEDASARKAN KEBERADAAN ANJING SEMASA OPERASI DIJALANKAN. ANJING TERSEBUT ADALAH ANJING TERBIAR DI KAWASAN SEKITAR | 05-09-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 36 | 1. Pengadu memaklumkan di hadapan kilang di alamat Jalan Nilai 7/17, Kawasan Perindustrian Nilai 3 di mana jalan yang diturap oleh pihak kontrak hanya separuh jalan sahaja dan ianya masih lagi sama walaupun sudah selama 2 bulan. | 05-07-2023 | sebahagian jalan tersebut dijadualkan akan diturap pada minggu hadapan 11.07.2023 | 05-07-2023 | - Unit Jalan & Saliran |
| 37 | Ingin memohon salinan kompaun kerana tidak menerima kertas kompaun tetapi apabila disemak semula dalam sistem, masih terdapat rekod kompaun. | 12-07-2023 | TARIKH: 13/07/2023<br>HASIL PEMANTAUAN:<br>-Salinan kompaun boleh didapatkan di kaunter Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan di Majlis Bandaraya Seremban Cawangan Nilai atau Ibu Pejabat Seremban. | 13-07-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 38 | Bagaimanakah ada pengubahsuaian komersial atau persediaan kedai pembina di tanah rizab untuk tangki air di sepanjang Jalan SJ 3/10, Taman Seremban Jaya, di sebidang tanah yang sama dengan 3 tangki air dalam fasa 3 dan ia bertentangan dengan taman permainan.<br>2. Pencemaran bunyi akibat penggodaman, penggerudian, dan kimpalan serta pembakaran terbuka berlaku.<br>3. Adakah MBS memberi kelulusan sedemikian untuk persediaan komersial untuk bengkel pembina di tanah rizab kosong? | 20-07-2023 | 3. Untuk makluman Tuan/Puan, Jabatan telah menjalankan siasatan terhadap maklum balas berkenaan dimana didapati bahawa sememangnya terdapat binaan diatas rezab tangki air milik Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS). Namun begitu, tidak dapat dikenalpasti samada binaan tersebut milik pihak SAINS ataupun milik individu/syarikat persendirian.<br><br>4. Jabatan telah mengeluarkan satu surat makluman kepada pihak SAINS berkaitan struktur binaan ini bertarikh 27/07/2023 untuk pihaknya mengambil tindakan selanjutnya memandangkan tanah tersebut merupakan milik SAINS. Jabatan memohon maaf atas kesulitan yang Tuan/Puan hadapi semasa berurusan dengan Jabatan. | 28-07-2023 | - Jabatan Kawalan Bangunan |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 39 | ingin memohon lampu jalan tambahan bagi tiang-tiang elektrik seperti di bawah:<br>BAK29 FP2 C15<br>BAK28 FP2 F15/1<br>BA28 FP2 E2<br>BA29 FP2 A13<br>BA28 FP2 F19<br>BA28 FP2 H15<br>BA29 FP2 B11<br>Memohon untuk di adakan lampu jalan di tiang-tiang berkenaan dan dibolehkan di pihak kami jika perlu dilakukan pembayaran sendiri dengan memasukkan dalam bil elektrik kediaman masing-masing. | 27-07-2023 | Hasil siasatan pegawai mendapati aduan tersebut adalah merupakan terletak di bawah pengawasan pihak Akurjaya Sdn Bhd. Surat pemakluman telah dikeluarkan pada 03.08.2023 untuk tindakan selanjutnya | 10-08-2023 | - Jabatan Kejuruteraan |
| 40 | Memohon pihak tuan untuk menyemak status pembayaran bagi cukai taksiran yang telah dibayar pada 25 Julai 2023 kerana di sistem masih lagi belum jelas. | 27-07-2023 | Untuk makluman tuan/puan, bayaran secara atas talian dikemaskini berdasarkan terimaan data dari pihak agensi seawal 3 hari bekerja selepas dari tarikh bayaran dibuat. Majlis memohon maaf atas sebarang kesulitan dan mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama tuan/puan dalam membayar cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban. Turut dimaklumkan, bayaran yang dibayar secara atas talian/online melalui MBSClick boleh memperoleh resit di laman web MBS (cara mendapatkan resit bayaran melalui MBSClick dilampirkan) dan TIADA RESIT YANG AKAN DIKELUARKAN OLEH MAJLIS BAGI BAYARAN SECARA ATAS TALIAN YANG LAIN. Tuan/Puan boleh memperoleh bukti bayaran secara atas talian/'online' hanya dari laman perbankan internet saluran bayaran tuan/puan sahaja. Untuk pertanyaan berkaitan cetakan resit cukai taksiran atau sebarang permasalahan berkaitan di MBSClick, tuan/puan boleh berhubung dengan Pn. Jumahijah di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS di talian 06-7654468 atau alamat e-mel juma@mbs.gov.my. Walau bagaimanapun, disertakan bil cukai taksiran PENGGAL KEDUA TAHUN 2023 untuk rujukan tuan/puan. SILA PASTIKAN BIL CUKAI YANG DISERTAKAN MEMPUNYAI MAKLUMAT BUTIRAN NAMA PEMILIK DAN ALAMAT HARTA YANG BETUL.<br><br>3. Selain itu, dimaklumkan juga bahawa Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah "BIL DIGITAL". Bermula pada tahun 2024, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau Notis E. Bagi membolehkan tuan/puan membuat semakan bil cukai taksiran secara atas talian, tuan/puan perlu membuat pengemaskinian maklumat nombor telefon bimbit dan alamat e-mel kepada Majlis dengan menghubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBS di talian 06-7654758/4711 atau e-mel kepada marfudzah@mbs.gov.my. Pada bila-bila masa, semakan bil cukai taksiran boleh dibuat melalui portal rasmi semakan atas talian (online) Majlis Bandaraya Seremban click.mbs.gov dan tuan/puan juga boleh membuat panggilan telefon kepada MBS melalui talian 06-7654333 pada hari dan waktu bekerja.<br><br>4. Mengikut AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, pada setiap tahun, cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban mempunyai dua penggal. Ianya adalah bil cukai taksiran penggal pertama (Jan-Jun) perlu dibayar sebelum/pada 28/29 Februari manakala penggal kedua (Julai-Dis) perlu dibayar sebelum/pada 31 Ogos. Pada setiap penggal tersebut, sekiranya terdapat BAKI/JUMLAH yang masih belum dijelaskan selepas dari tarikh tamat pembayaran, caj denda lewat/Notis-E berjumlah RM20 pada setiap penggal akan dikenakan. Bayaran cukai taksiran secara atas talian boleh dilakukan dengan melayari portal rasmi semakan atas talian (online) Majlis Bandaraya Seremban (click.mbs.gov.my).<br><br>Sekian, terima kasih.<br><br>JABATAN KEWANGAN<br>MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 31-07-2023 | - Jabatan Kewangan |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 41 | Berikut merupakan beberapat persoalan yang ingin diperketengahkan:<br>Adakah pihak MBS yang memilih premis untuk diperiksa bagi penentuan taraf kebersihan ?<br>Adakah ianya dilakukan setiap tahun ?<br>Apakah penalti kepada yang menerima C dan D ? | 17-08-2023 | Pihak Majlis Bandaraya Seremban menjalankan pemeriksaan secara berkala kepada semua premis makanan sama ada berlesen atau tidak berlesen. Tindakan penguatkuasaan akan diambil keatas mana-mana premis makanan yang gagal mematuhi syarat-syarat kebersihan yang telah ditetapkan. Mana-mana premis makanan yang mendapat Gred A akan diberikan sijil penghargaan sebagai galakan. | 04-09-2023 | - Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |
| 42 | Pertanyaan mengenai bahan bahan kitar semula yang diambil oleh pihak SWM dari taman perumahan. Adakah MBS mendapat manfaat? Boleh terangkan. | 28-08-2023 | Bahan-bahan kitar semula yang diambil/dikutip oleh pihak SWM adalah dibawah pengurusan SWM. Pihak SWM akan menyediakan laporan kutipan barang kitar semula yang telah dikutip dari kediaman dan pusat kitar Semula untuk dimajukan kepada Majlis Bandaraya Seremban.<br>Untuk Makluman tuan/puan, Pihak SWM juga menyediakan Program Jom Kitar Semula dan kumpul Mata Ganjaran 'KitarRecycle' dan seterusnya boleh ditukarkan kepada wang tunai. Tuan/Puan boleh menghubungi pihak SWM untuk menyertai program tersebut atau melayari www.kitarecycle.com<br>Sekian terima kasih. | 13-09-2023 | - Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |
| 43 | Terdapat 2 soalan.<br>1) Saya ingin bertanya adakah boleh untuk penghuni taman meletakkan kereta di padang taman permainan?<br>2) Adakah penghuni rumah yang rumahnya tidak berhadapan dengan rumah lain mempunyai hak untuk meletakkan kenderaannya atau semua penghuni boleh meletakkan kenderaan secara bebas di jalan tersebut? | 04-09-2023 | 1. ADALAH MENJADI SATU KESALAHAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL TAMAN (MPS) 1988 JIKA MELETAKAN KENDERAAN DALAM TAMAN PERMAINAN.<br><br>2. ADALAH MENJADI SATU KESALAHAN DI BAWAH SEK. 46 AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN JIKA MELETAKKAN DAN MENINGGALKAN KENDERAAN DI TEMPAT AWAM. | 06-09-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 44 | Bagaimanakah cara bagi menyelesaikan jumlah besar untuk ibu tunggal yang berpendapatan melalui pencen sahaja? | 06-09-2023 | 2. Terlebih dahulu, Majlis mengucapkan terima kasih atas keprihatinan tuan/puan untuk urusan cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban. Seperti yang dimaklumkan dalam panggilan telefon tersebut, tuan/puan boleh melunaskan tunggakan tersebut secara ansuran (bayaran secara berkala setiap bulan dengan amaun semampu tuan/puan) ATAU bayaran amaun penuh (dan berpeluang mendapat potongan diskaun 50% pada denda Notis-E sekiranya bayaran penuh dibuat sebelum 31 Disember 2023). Meskipun demikian, tuan/puan diminta untuk menyelesaikan tunggakan ini secepatnya bagi mengelakan denda notis-E (dan waran, sekiranya berkenaan) dikenakan. Turut dimaklumkan, Majlis TIDAK berkaitan dengan mana-mana pelan insuran dan agensi untuk urusan penyelesaian tunggakan cukai taksiran. Sebarang soalan/maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Cik Khairunnisa di talian 06-7654379.<br><br>3. Mengikut AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, pada setiap tahun, cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban mempunyai dua penggal. Ianya adalah bil cukai taksiran penggal pertama (Jan-Jun) perlu dibayar sebelum/pada 28/29 Februari manakala penggal kedua (Julai-Dis) perlu dibayar sebelum/pada 31 Ogos. Pada setiap penggal tersebut, sekiranya terdapat BAKI/JUMLAH yang masih belum dijelaskan selepas dari tarikh tamat pembayaran, caj denda lewat/Notis-E berjumlah RM20 pada setiap penggal akan dikenakan.<br><br>JABATAN KEWANGAN<br>MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 14-09-2023 | - Jabatan Kewangan |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 45 | Pertanyaan mengenai mengapa Stadium Renang Paroi telah ditutup 2 minggu?<br><br>Bilakah ia akan dibuka semula untuk awam? Hal ini kerana, saya telah pergi dan ianya masih lagi ditutup. | 07-09-2023 | Dimaklumkan bahawa, pihak Pentabiran Majlis Bandaraya Seremban akan menutup Kolam Renang Awam, Paroi dan Pusat Akuatik, Paroi bagi tempoh dua bulan iaitu mulai dari tarikh 03 Julai 2023 sehingga 03 September 2023.<br><br>Berikut merupakan tarikh lanjutan penutupan bermula pada 4 September 2023 sehingga 31 Oktober 2023.<br><br>Penutupan kemudahan kolam renang ini adalah bagi memberi laluan kepada kerja-kerja baikpulih kerosakan kolam renang tersebut yang tidak boleh ditangguhkan lagi. Tarikh pembukaan semula kolam renang tersebut akan dimaklumkan SEGERA sebaik sahaja kerja-kerja baikpulih selesai dan kolam renang tersebut selamat untuk digunapakai.<br><br>Majlis Bandaraya Seremban memohon maaf diatas kesulitan yang berlaku namun tindakan ini perlu kerana ianya melibatkan kepentingan awam dan keselamatan para pengguna perkhidmatan kolam renang tersebut. | 08-09-2023 | - Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan |
| 46 | Terdapat 2 bonggol jalan dibuat baru-baru ini di Jalan Tasik Senangin 7, saya ingin bertanya apa kepentingan bonggol jalan dibuat disitu, kerana keperluan bonggol jalan ini adalah penting di jalan besar Bandar Tasik Senangin yang selalu ada berlaku kemalangan sehingga meragut nyawa. Ataupun bonggol jalan ini dibina jalan utama 100m sebelum masuk ke simpang Taman Albury 2. Harap pihak tuan dapat memberikan penjelasan. | 13-09-2023 | Pembinaan bonggol dibuat bagi memperlahankan kenderaan keluar simpang dengan laju yang menyebabkan kemalangan | 09-10-2023 | - Unit Jalan & Saliran |
| 47 | Adakah lori dibenarkan "*parking* " di kawasan taman dan parking di atas *side walk* ? | 15-09-2023 | -Siasatan telah dijalankan dan didapati terdapat 2 buah lori seperti yang diadukan pakir dilokasi aduan.<br>-Tindakan notis kesalahan Akta Pengangkutan Jalan dikenakan kepada lori tersebut.<br>-Pemantauan secara berkala akan dilakukan dilokasi aduan. | 20-09-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 48 | Pertanyaan bagi mendapatkan penjelasan setelah menerima notis dari pihak MBS untuk memindahkan kenderaan yang di parkir di depan rumah. Adakah ini tindakan sewajarnya dari pihak MBS untuk mengeluarkan notis yang sedemikian. | 19-09-2023 | TARIKH: 20/09/2023<br><br>-Notis mengalihkan kenderaan yang ditampal dikenderaan tersebut adalah berdasarkan aduan yang telah dibuat oleh penduduk taman menyatakan terdapat kenderaan yang telah lama tidak bergerak/lama terbiar pakir disimpang jalan menyebabkan masalah kepada penduduk taman semasa melalui simpang jalan tersebut pada waktu sibuk. | 20-09-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 49 | Apakah dokumen dan lampiran yang diperlukan untuk pertukaran kepada pemilik rumah yang baru? Ini kerana suami dan saya ada membuat pembelian rumah '*SUBSALE*' lebih kurang pada 3 tahun lepas. Namun, nama pencukai masih lagi nama pemilik lama. | 21-09-2023 | Berdasarkan pertanyaan puan untuk mendapatkan bil cukai taksiran, pihak Jabatan memohon puan untuk membuat pindahmilik terlebih dahulu. Sehubungan dengan perkara tersebut, pihak Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Seremban memohon puan untuk mengisi Borang I bersama dengan lampiran yang diperlukan. Bersama-sama ini disertakan Borang I untuk makluman dan tindakan segera puan. Dibawah ini adalah dokumen yang diperlukan untuk pindahmilik :-<br><br>Dokumen Sokongan Borang I - Notis Jualan Pindah Milik<br><br>Salinan Borang 14A / Carian Rasmi / Carian Persendirian Hakmilik<br><br>Salinan Kad Pengenalan Pembeli<br><br>Salinan SSM (Jika Pembeli Adalah Syarikat)<br><br>Resit Bayaran Fi Proses Pindah Milik (RM20.00)<br><br>Bil Cukai Taksiran Yang Telah Dijelaskan (No akaun cukai taksiran 800200717000G)<br><br>Salinan Perisytiharan Lelong (Jika Berkenaan)<br><br>Salinan Perjanjian Jual Beli (Jika Berkenaan)<br><br>Salinan Hakmilik/Geran (Jika Berkenaan)<br><br>Atau pihak puan boleh membuat pindahmilik secara online di dalam laman web www.mbs.gov.my, di dalam menu MBS Click. Bersama-sama ini disertakan cara untuk membuat pindahmilik tersebut di MBS Click.<br><br>MOHD SHAZWAN<br><br>Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta,<br>Majlis Bandaraya Seremban | 21-09-2023 | - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 50 | Adakah benar mengenai pokok yang ditaman djalan masuk utama perlu diselenggara oleh pihak penduduk Taman Tiara Sendayan sendiri? | 22-09-2023 | Untuk makluman tuan, Taman Tiara Sendayan masih di bawah tanggungjawab penyelenggaraan pemaju Matrix Concept Holdings Berhad. | 26-09-2023 | - Jabatan Taman & Landskap |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 51 | Permohonan saya mengenai mengetepikan penalti yang dibuat oleh pihak MBS. Ini kerana saya baru sahaja menerima Notis E mengenai penilaian sewajarnya. Taksiran telah dibayar serta-merta pada 1/9/2023. | 25-09-2023 | 2. Terlebih dahulu Majlis mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan keprihatinan tuan/puan dalam membayar cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban. Dukacita dimaklumkan bahawa permohonan untuk pemansuhan Notis-E (penalty waiver) tersebut secara total ditolak. Adalah menjadi tanggungjawab pemilik premis untuk membayar cukai taksiran tersebut atau berhadapan dengan tindakan untuk menuntut tunggakan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 146-148 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 sekiranya bil cukai taksiran tidak diterima pada akhir bulan Februari atau bulan Ogos mengikut penggal yang berkenaan setiap tahun. Walau bagaimanapun, untuk makluman tuan/puan juga, Majlis sedang mengadakan kempen potongan diskaun 50% pada denda Notis-E ini untuk bayaran penuh tunggakan cukai/denda akaun taksiran yang dibuat sebelum 31 Disember 2023. Sebarang soalan/maklumat lanjut mengenai potongan diskaun 50% denda Notis-E ini boleh berhubung dengan En Shamrizan/Cik Khairunnisa/Jabatan Kewangan MBS di talian 06-765 4373/4379/4389.<br><br>3. Selain itu, dimaklumkan juga bahawa Majlis Bandaraya Seremban sedang ke arah "BIL DIGITAL". Bermula pada tahun 2024, tiada lagi cetakan dan penghantaran Bil Cukai Taksiran atau Notis E. Bagi membolehkan tuan/puan membuat semakan bil cukai taksiran secara atas talian, tuan/puan perlu membuat pengemaskinian maklumat nombor telefon bimbit dan alamat e-mel kepada Majlis dengan menghubungi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBS di talian 06-7654758/4711 atau e-mel kepada marfudzah@mbs.gov.my. Pada bila-bila masa, semakan bil cukai taksiran boleh dibuat melalui portal rasmi semakan atas talian (online) Majlis Bandaraya Seremban click.mbs.gov dan tuan/puan juga boleh membuat panggilan telefon kepada MBS melalui talian 06-7654333 pada hari dan waktu bekerja.<br><br>4. Mengikut AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, pada setiap tahun, cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban mempunyai dua penggal. Ianya adalah bil cukai taksiran penggal pertama (Jan-Jun) perlu dibayar sebelum/pada 28/29 Februari manakala penggal kedua (Julai-Dis) perlu dibayar sebelum/pada 31 Ogos. Pada setiap penggal tersebut, sekiranya terdapat BAKI/JUMLAH yang masih belum dijelaskan selepas dari tarikh tamat pembayaran, caj denda lewat/Notis-E berjumlah RM20 pada setiap penggal akan dikenakan. | 29-09-2023 | - Jabatan Kewangan |
| 52 | 1. Adakah MBS membenarkan pengubahsuaian rumah teres (taman perumahan) daripada 1-tingkat kepada 2-tingkat?<br><br>1.1 Jika YA, apakah dokumen dan prosedur yang perlu saya sediakan/lalui?<br>1.2 Jika TIDAK, apakah penalti yang dikenakan sekiranya pengubahsuaian tersebut telah dilakukan misalnya adakah tingkat atas yang baru ditambah itu akan dirobohkan atau, pemilik hanya perlu bayar penalti dan nilai taksiran tahunan yang bertambah sahaja? | 02-10-2023 | Pengadu membuat pertanyaan berkenaan pengubahsuaian Rumah untuk rumah teres 1- tingkat kepada 2 - tingkat. Pihak Jabatan Kawalan bangunan memaklumkan bahawa pengubahsuaian tersebut adalah tidak dibenarkan kerana tidak mengikut spesifikasi asal pelan rumah tersebut dan membahayakan penghuni rumah tersebut. | 09-10-2023 | - Jabatan Kawalan Bangunan |
| 53 | Adakah dibenarkan JMB kembali mengenakan bayaran penyelenggaraan sepanjang tahun, misalnya pada tahun 2017 dalam bilnya pada Nov 2021?. Ini adalah bil pertama. | 04-10-2023 | Unit COB, MBS telah menghubungi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Sri Cendana pada 5/12/2023 dan bertanyakan berkenaan aduan ini dan pihak JMB Sri Cendana telah membekalkan maklumat kepada Unit COB seperti yang diminta. Hasil semakan mendapati pihak JMB Sri Cendana telah mengesahkan bil caj penyenggaraan yang dikeluarkan adalah setiap enam bulan sekali. Pihak COB juga telah menghubungi pengadu pada 5/12/2023 untuk memaklumkan berkenaan perkara ini. | 15-12-2023 | - Unit COB |
| 54 | Pertanyaan mengenai pembayaran yang telah dibuat oleh saya di pondok Oakland, tetapi dalam sistem MBS menyatakan masih belum selesai. | 05-10-2023 | Pentadbiran Majlis mengambil maklum tentang perkara ini dan mengambil tindakan pembetulan ke atas status bayaran kompaun tuan. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Unit Letak Kereta, MBS di talian 06-7654782/4761/4789. | 10-10-2023 | - Unit Letak Kereta/Dewan |
| 55 | Pertanyaan mengenai cara permohonan lesen premis untuk pusat *Esports* cafe. Apakah cara untuk permohonan lesen tersebut. Terima kasih. | 20-10-2023 | Untuk makluman tuan, pengeluaran lesen perniagaan seperti Cyber Cafe, Pusat Hiburan Keluarga,Premis Menjual Arak, Pusat Refleksologi dan sebarang lesen yang seumpamanya telah dibekukan seperti yang diarahkan pihak Kerajaan Negeri Sembilan. | 23-10-2023 | - Jabatan Pembersihan & Kesihatan Persekitaran |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 56 | Saya ingin bertanya, bagaimanakah cara memohon untuk menebang pokok(tebang hingga ke akar) dihadapan rumah di alamat Jalan Bukit Coral 13, Taman Coral Height, Sikamat, 70400, Seremban, Negeri Sembilan kerana pohon tumbuh tinggi dan rendang sehingga mencapai kabel. Harap dapat membantu atas pertanyaan dan permohonan ini.<br><br>Terima kasih | 25-10-2023 | Hasil siasatan mendapati pokok tersebut adalah Pokok Persendirian. Kerja-kerja penyelenggaraan pokok persendirian/pengambilan sampah pokok persendirian seperti pokok buah-buahan dan sayur serta pokok hiasan di dalam lot persendirian atau tempat-tempat tertentu seperti di tepi dan depan rumah tidak dilaksanakan oleh pihak jabatan. Kerja-kerja penyelenggaraan hanya dilaksanakan pada pokok-pokok milik majlis dan yang berada di dalam kawasan pentadbiran atau bidang kuasa majlis sahaja. | 17-11-2023 | - Jabatan Taman & Landskap |
| 57 | Memohon membuat bonggol di depan rumah saya kerana kereta dan motor yang lalu depan rumah terlampau laju. Ini disebabkan lot kedai baru buka menjadi laluan utama dan agak bahaya buat anak-anak kecil saya bermain depan rumah.<br><br>Pertanyaan bagi cara membuat permohonan bagi membuat bonggol dengan kadar segera. | 31-10-2023 | Pemohon perlu mengisi borang permohonan bonggol jalan | 10-01-2024 | - Unit Jalan & Saliran |
| 58 | Adakah pemaju berhak menjalankan tugas atau kerja-kerja baik pulih pada hari Ahad? Hal ini kerana, pemaju projek perumahan telah menjalankan kerja baik pulih rumah jiran saya pada hari Ahad. | 27-11-2023 | UNTUK MAKLUMAN, WAKTU OPERASI BAGI KERJA-KERJA BAIK PULIH (DEFECT) OLEH PEMAJU ADALAH TIDAK PERLU MENDAPATKAN KEBENARAN DARI PIHAK MAJLIS. OLEH ITU, PENGADU HENDAKLAH MERUJUK/MEMBUAT ADUAN TERUS KEPADA PIHAK PEMAJU.TERIMA KASIH. | 06-12-2023 | - Jabatan Kawalan Bangunan |
| 59 | Pertanyaan mengenai menerangkan samada kesalahan aplikasi tdiak betul atau memang kawasan tersebut adalah tak termasuk dalam kawasan bayaran parking. Hal ini kerana, saya telah meletak kenderaan di belakang kompleks penjaja MBS di Jalan Lee Sam, berdepan dengan pintu masuk kubur cina jalan Lee Sam, sebelum meninggalkan kenderaan, saya telah membuka app Jom parking untuk membayar, tetapi mendapati kenderaan telah disaman dengan keluar notifikasi 'Jom parking *unavailable in your location'.* | 27-11-2023 | Terima kasih atas aduan yang diberikan. Untuk makluman tuan, sekiranya lokasi tidak dapat dijumpai menggunakan aplikasi JomParking, tuan boleh tekan butang "select location manually" dan lokasi di sekitar akan ditunjukkan di dalam aplikasi. Tuan juga boleh membayar caj letak kereta menggunakan kod Pusat Bandar di aplikasi JomParking. Untuk pertanyaan lanjut boleh hubungi pengendali letak kereta di talian 019-3386641. | 28-11-2023 | - Unit Letak Kereta/Dewan |
| 60 | Perlukah mendapat kelulusan daripada pihak MBS bagi menebang pokok depan rumah? | 11-12-2023 | Untuk makluman, pokok yang ditanam oleh pemaju adalah milik Majlis selepas kerja-kerja penyerahan kawasan diserahkan kepada Majlis. Sebarang penebangan pokok Majlis memerlukan kelulusan dari pihak Majlis dengan justifikasi yang kuat kenapa pokok tersebut perlu ditebang. Sebarang permasalahan boleh disalurkan dengan membuat surat rasmi dan dihantarkan ke Jabatan Taman dan Landskap. | 28-12-2023 | - Jabatan Taman & Landskap |
| 61 | Memohon memasang sangkar di Taman Tun Dr. Ismail (belakang rumah pangsa Tun. Dr. Ismail) Ini kerana terlalu banyak anjing berkeliaran pada waktu malam. Sekiranya boleh kami berbesar hati, Sekiranya tidak keberatan bagi melakukan operasi secara kekerapan di kawasan perumahan terlalu banyak anjing datang dan menetap di kawasan perumahan. Kekerapannya waktu malam tetapi tidak banyak pada waktu siang. | 28-12-2023 | 1. TIADA PERKHIDMATAN SANGKAR TANGKAPAN ANJING DISEDIAKAN.<br>2. TANGGUK - ADALAH KAEDAH PENANGKAPAN ANJING YANG DIGUNAPAKAI OLEH KONTRAKTOR YANG DILANTIK | 11-01-2024 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 62 | Ingin bertanya adakah kerja-kerja pengubahsuaian dibenarkan dijalankan pada hujung minggu dan cuti umum? Dan apakah masa bekerja? | 12-06-2023 | Kebenaran waktu bekerja bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan ditapak bina di dalam kawasan MBS ditetapkan seperti berikut:<br><br>a) Isnin - Sabtu: 8.00 pagi - 6.00 petang sahaja.<br>b) Hari Ahad dan Cuti Am tidak dibenarkan. | 26-07-2023 | - Jabatan Kawalan Bangunan |

| Bil | Butiran | Tarikh Pertanyaan | Maklum balas / Jawapan / Tindakan | Tarikh Maklum Balas / Jawapan | Tindakan Jabatan / Unit |
|---|---|---|---|---|---|
| 63 | Pertanyaan saya ialah, di manakah anjing-anjing disimpan sejurus yang ditangkap pada hari ini di kawasan Senawang? | 16-06-2023 | ANJING YANG TELAH DITANGKAP, TELAH DISIMPAN DI PUSAT PELINDUNGAN (ANJING) MILIK FURRYKIDS SAVEHEAVEN DI JALAN KUALA SAWAH | 16-06-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 64 | Ingin bertanya mengenai diskaun. Pada masa ini, adakah terdapat diskaun untuk perkarangan tempat letak kereta? | 20-06-2023 | BAGI URUSAN RAYUAN PENGURANGAN BAYARAN NOTIS KESALAHAN KOMPAUN YANG DITERIMA, PEMILIK KENDERAAN DIKEHENDAKI HADIR SENDIRI BAGI MEMBUAT RAYUAN PENGURANGAN BAYARAN KOMPAUN TERSEBUT DI JABATAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN MBS. | 22-06-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |
| 65 | Adakah dibolehkan untuk memohon lesen anjing melalui atas talian(online)? Jika ya, apakah pautannya? | 22-08-2023 | 2. Terdahulu, Majlis mengucapkan terima kasih atas keprihatinan tuan/puan berkenaan isu ini. Meskipun demikian, dukacita dimaklumkan bahawa pada masa ini, Majlis Bandaraya Seremban masih TIDAK MENYEDIAKAN transaksi permohonan lesen anjing secara atas talian(online) ; hanya salinan pdf borang permohonan sahaja yang boleh tuan/puan peroleh daripada portal rasmi MBS dan selanjutnya masih perlu hadir ke kaunter untuk lanjutan proses permohonan tersebut. Walaubagaimanapun, Majlis mengucapkan terima kasih atas maklum balas ini dan akan mempertimbangkan perkara ini untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Turut dilampirkan salinan pdf borang permohonan lesen anjing MBS untuk kegunaan tuan/puan selanjutnya.<br><br>Sekian, terima kasih.<br>JABATAN KEWANGAN<br>MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 23-08-2023 | - Jabatan Kewangan |
| 66 | Pertanyaan mengenai pembayaran bil cukai taksiran. Ini kerana saya menerima mesej mengatakan perlu membuat pembayaran bil cukai taksiran sebanyak RM85.50 walhal tiada di aplikasi MBS dan paling terkini pembayaran yang telah dibuat pada bulan 7/2023. Adakah saya masih perlu membuat pembayaran? | 27-11-2023 | Merujuk kepada emel tuan/puan bertarikh 27 November 2023.<br>2. Terlebih dahulu Majlis mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan keprihatinan tuan/puan dalam urusan pembayaran cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban. Mengikut AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976, pada setiap tahun, cukai taksiran Majlis Bandaraya Seremban mempunyai dua penggal. Ianya adalah bil cukai taksiran penggal pertama (Jan-Jun) perlu dibayar sebelum/pada 28/29 Februari manakala penggal kedua (Julai-Dis) perlu dibayar sebelum/pada 31 Ogos. Pada setiap penggal tersebut, sekiranya terdapat BAKI/JUMLAH yang masih belum dijelaskan selepas dari tarikh tamat pembayaran, caj denda lewat/Notis-E berjumlah RM20 pada setiap penggal akan dikenakan.<br>3. Mengikut rekod Majlis, bayaran terakhir tuan/puan berjumlah RM 85.80 bertarikh 20.07.2023 sememangnya telah dikemaskini. Adapun SMS yang tuan/puan terima berkenaan merupakan inisiatif pihak berkuasa tempatan bagi memberi peringatan kepada setiap pemilik premis di bawah Majlis Bandaraya Seremban untuk menjelaskan cukai taksiran bagi TAHUN TAKSIRAN 2024. Untuk makluman tuan/puan juga, semakan Majlis mendapati TIADA tunggakan untuk akaun taksiran 121200758000M bagi PENGGAL TAKSIRAN SEMASA (PENGGAL 2/2023). Meskipun demikian, tuan/puan BOLEH membuat bayaran untuk penggal hadapan dengan meng-edit ruangan amaun bayaran sesuai dengan nilai yang ingin dibayar (1 penggal/ 2 penggal/ kemampuan kewangan semasa); Cara semakan dan bayaran cukai taksiran secara atas talian (online) turut disertakan untuk rujukan tuan/puan. Walaubagaimanapun, sekiranya sistem tergendala sewaktu tuan/puan melakukan transaksi tersebut, tuan/puan boleh berhubung dengan Pn. Divyaa di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi MBS di talian 06-7654494 atau alamat e-mel divyaa@mbs.gov.my.<br>Sekian, terima kasih.<br>JABATAN KEWANGAN<br>MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN | 30-11-2023 | - Jabatan Kewangan |
| 67 | Pertanyaan bagi anjing liar dan merpati liar iaitu adakah sah memberi makan kepada anjing liar dan merpati liar di dalam kawasan perumahan? | 23-08-2023 | ADALAH SATU KESALAHAN DI BAWAH AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1967,SEKSYEN 81 JIKA MEMBERI MAKAN KEPADA HAIWAN TERBIAR YANG BOLEH MENYEBABKAN PERTAMBAHAN POPULASI HAIWAN TERSEBUT TANPA KAWALAN SERTA BOLEH MENGGANGGU ORANG AWAM. | 25-08-2023 | - Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan |